



## Petunjuk Prestasi Utama: Ke Arah Pemantapan Kualiti Di UiTM Pahang

Sa'diah Sahat  
Roslina Abdul Aziz  
Mazlina Suhaimi

### ABSTRAK

*Petunjuk Prestasi Utama atau Key Performance Indicators (KPI) perlu dilaksanakan di organisasi sebagaimana kehendak Pekeling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bilangan 2 tahun 2005 dengan keperluan pengukuran dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali pada setiap suku tahun. Garispanduan yang ditetapkan menyatakan bagi setiap KPI yang telah diwujudkan, sasaran prestasi yang "SMART" perlu ditetapkan bagi membolehkan KPI berkenaan diukur. Kaplan Norton Balance Score Card (BSC) menjadi asas pembentukan petunjuk prestasi utama di fakulti/unit bagi pemantapan dan penambahbaikan kualiti di UiTM Pahang dengan menggabungkan 7 kriteria di dalam Malcolm Baldrige National Quality Award (MBNQA) dan 4 perspektif BSC.*

**Kata Kunci:** Kaplan Norton Balance Score Card (BSC), Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

### Pengenalan

Kecemerlangan dan kesinambungan sesebuah organisasi bergantung kepada prestasi dan kejayaannya mencapai objektif secara berkesan. Ianya memerlukan setiap individu di dalam organisasi tersebut bergerak ke arah hala tuju yang sama kerana setiap mereka menyumbang kepada pencapaian objektif organisasi melalui aktiviti kerja masing-masing. Satu cara menentukan pencapaian prestasi organisasi di dalam sistem UiTM adalah dengan menyertai Anugerah Kualiti Naib Canselor dan bagi memastikan organisasi serta warganya menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan betul serta mencapai objektif organisasi adalah dengan melaksanakan sistem pengurusan prestasi (*performance management system*) yang konsisten dan menentukan petunjuk prestasi utama (*key performance indicator*) yang "SMART" atau spesifik, boleh diukur, boleh dicapai, realistik dan mempunyai tempoh masa yang ditetapkan. Petunjuk prestasi (PI) adalah penting bagi setiap orang di dalam organisasi kerana ianya menentukan apa yang perlu diukur dan apakah kekangan pemantauan terhadap tahap prestasi sebenar (Flapper et al., 1996).

Pensyarah di UiTM Pahang juga tidak terkecuali dari melibatkan diri di dalam gerak kerja memacu kejayaan di peringkat fakultiti, kampus dan UiTM secara keseluruhannya. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) di dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara Melangkaui Tahun 2020 telah menyatakan bahawa ahli-ahli akademik adalah penting dalam usaha meningkatkan kecemerlangan sesebuah institusi pengajian tinggi (IPT) dan membentuk pelajar yang berketerampilan dan menghasilkan modal insan dengan minda kelas pertama yang seimbang di segi intelek, kepakaran, kemahiran dan nilai murni.

## Anugerah Kualiti Naib Canselor

Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) adalah satu anugerah yang diwujudkan di dalam sistem UiTM yang mengikut prinsip Baldrige National Quality Program dengan penambahan kriteria inovasi. Anugerah Kualiti Pengarah (AKP) pula adalah anugerah yang diwujudkan di dalam sistem UiTM Pahang bagi menilai kriteria yang dibangunkan dalam AKNC.

Kriteria penilaian AKNC adalah berdasarkan kepada prinsip-prinsip *Total Quality Management* (TQM) yang memberi penekanan kepada pengurusan kualiti yang menyeluruh. Tujuan lapan kriteria di dalam AKNC iaitu: kepimpinan; pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan; perancangan strategik; pembangunan sumber tenaga manusia; hasil pencapaian; pengurusan proses; penumpuan terhadap pelanggan; dan inovasi, adalah untuk membantu fakulti/bahagian/unit/kampus menyahut cabaran-cabaran terkini dan menghadapi semua kesukaran di dalam penyampaian keputusan sementara bersedia untuk masa depan secara efektif. Kriteria itu adalah asas penilaian kendiri organisasi yang dijadikan anugerah sebagai tanda sokongan di atas pencapaian prestasi selain memberi timbalbalas. Ia juga membantu menambahbaik amalan prestasi organisasi, keupayaan dan hasil, membantu komunikasi dan perkongsian maklumat terhadap amalan terbaik dan menjadi alat kerja untuk memahami dan mengurus prestasi dan pemanduan organisasi kepada perancangan dan peluang untuk belajar.

## Petunjuk Prestasi Utama

Petunjuk Prestasi Utama atau *Key Performance Indicators* (KPI) perlu dilaksanakan di organisasi masing-masing sebagaimana kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 tahun 2005 dengan keperluan pengukuran dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali pada setiap suku tahun (PKPA, 2005). Garis panduan yang ditetapkan menyatakan bagi setiap KPI yang telah diwujudkan, sasaran prestasi yang "SMART" perlu ditetapkan bagi membolehkan KPI berkenaan diukur. Untuk tujuan ini, agensi perlu mengambil kira beban kerja dan keupayaan proses yang meliputi cara bekerja, keperluan sumber manusia, kewangan, peralatan, infrastruktur dan persekitaran sedia ada semasa menetapkan sasaran prestasi. Bagi agensi yang telah melaksanakan MS ISO 9000, objektif kualiti dan piagam pelanggan yang telah ditetapkan boleh digunakan dalam mewujudkan KPI dan menetapkan sasaran prestasi.

KPI yang ditetapkan mengikut konsep Kaplan-Norton Balance Score Card (BSC) merangkumi empat perspektif iaitu kewangan, pelanggan, proses operasi dalaman dan pengajaran yang inovatif. KPI tersebut haruslah selari dengan bidang tanggungjawab pensyarah dan boleh digunakan untuk mengemudi dan memantau prestasi. KPI yang berpadanan atau bersesuaian dengan bidang tanggungjawab ahli akademik akan lebih diterima oleh para pensyarah dan seterusnya memudahkan pihak pengurusan mempengaruhi mereka ke arah pemacu prestasi (*performance driven*) yang lebih mantap (De Waal, 2004).

## Kajian Lepas

Chow-Chua & Goh (2000) telah menjalankan kajian kes ke atas kesan kepada penggabungan *Singapore Quality Award* (SQA) dan *Balance Score Card* (BSC) (Kaplan & Norton, 1993) dalam pengurusan hospital awam di Singapura. Kajian kes ini telah dijalankan di Changi General Hospital (CGH), iaitu hospital awam terbesar di Singapura. Kajian ini mendapat penggabungan SQA yang merupakan terapan dari *Malcolm Baldrige National Quality Award* (MBNQA) dan BSC telah membawa hasil yang positif kepada pengurusan dan pencapaian kualiti CGH.

SQA merangkumi 7 kategori iaitu; kepimpinan dan budaya kualiti, penggunaan maklumat dan analisa, pelan strategik, perkembangan dan pengurusan sumber manusia, pengurusan proses kualiti, keputusan kualiti dan operasi dan fokus dan kepuasaan pelanggan. Walaupun SQA menerapkan teras bersamaan MBNQA, namun ia telah memberikan pemberat pemarkahan yang berlainan bagi setiap kriteria anugerah, berbeza dari MBNQA. Jadual 1 di bawah menunjukkan perbezaan pemarkahan tersebut.

Jadual 1 Perbandingan MBNQA dan SQA (Chow-Chua & Goh, 2000)

| <i>Malcolm Baldrige National Quality Awards</i> | Point | <i>Singapore Quality Awards</i>            | Point |
|---|-------|--|-------|
| 1. Leadership                                   | 100   | Leadership and Quality Culture             | 150   |
| 2. Information and analysis                     | 70    | Use of information and analysis            | 80    |
| 3. Strategic quality planning                   | 60    | Strategic planning                         | 70    |
| 4. Human resource utilization                   | 150   | Human resources development and management | 160   |
| 5. Quality assurance of products and service    | 140   | Management of process quality              | 140   |
| 6. Quality results                              | 180   | Quality and operational results            | 150   |
| 7. Customer satisfaction                        | 300   | Customer focus and satisfaction            | 250   |


Gabungan SQA dan BSC, pertamanya telah memberikan rangka konsep sistem kualiti (*conceptual framework*) dan kebaikan tambahan dari sudut keuntungan gabungan pasaran dan pemegang taruh, kepuasaan pelanggan dan kecemerlangan organisasi. Penerapan BSC juga memberikan pihak pengurusan atasan mekanisma yang pantas bagi pemantauan dan penilaian tahap prestasi kecemerlangan organisasi dalam pencapaian objektif kualitinya. Selain itu gabungan sistem ini juga telah menjadi tampanan bagi pencapaian objektif kualiti korporat CGH dan membantu peningkatan keuntungan organisasi (Chow-Chua & Goh, 2000).

Cullen et al. (2003) mengutarakan penggunaan BSC (Norton & Kaplan, 2000) bagi mengalihkan tumpuan kualiti di institusi pengajian tinggi dari pemantauan kepada pengurusan pencapaian. Kajian kes ini mendapat penggunaan BSC adalah lebih baik dan menyeluruh jika dibandingkan dengan kaedah pengukuran pencapaian yang lazimnya digunakan di institusi pengajian tinggi di United Kingdom iaitu Quality Assurance Agency (QAA) dan Research Assessment Exercise (RAE). Kajian ini mendapat aplikasi QAA dan RAE di institusi pengajian tinggi hanya memberi penumpuan kepada aspek pemantauan dan tidak menitikberatkan kepada aspek pengurusan. Oleh yang demikian kajian ini telah mengutarakan aplikasi BSC dalam sistem kualiti inti institusi pengajian tinggi dengan memberi contoh bagaimana BSC boleh diaplikasi dalam sistem pengurusan kualiti di Fakulti Pengurusan Perniagaan di sebuah institusi pengajian tinggi di UK. Kajian kes ini telah memberikan pendedahan bagaimana BSC boleh diterapkan dalam sistem pengurusan kualiti di institusi pengajian tinggi dan bagaimana sistem ini boleh memberikan impak maksima kepada gerakan kualiti yang menyeluruh dan bersepadu.

Al-Turki dan Duffuaa (2003) mengutarakan satu sistem pengukuran pencapaian kualiti bagi bahagian akademik di institusi pendidikan tinggi. Model mereka tidak mengambil kira BCS, oleh yang demikian tidak menggunakan teknik penilaian lazim BCS. Mereka telah merangka kriteria pengukuran dan langkah-langkah bagi membangunkan satu sistem pengurusan kualiti yang

dapat diadaptasi oleh mana-mana bahagian akademik di institusi pendidikan tinggi. Pengukuran pencapaian yang diutarakan merangkumi lima kriteria iaitu; relevan (*relevance*), boleh ditaksirkan (*interpretability*), kesesuaian (*timeliness*), kebergantungan (*reliability*) dan kesahan (*validity*). McNamara (2000) menggariskan langkah-langkah perlu bagi membangunkan dan mentaksirkan sistem pengukuran pencapaian ini ialah;

- i. Pemilihan dimensi untuk diukur
- ii. Pemilihan indeks prestasi
- iii. Merekabentuk spesifikasi pengukuran
- iv. Pengujian saintifik kekuatan pengukuran
- v. Berdasarkan kepada kriteria dan langkah-langkah di atas mereka telah mencadangkan satu sistem hierarki penilaian pencapaian kualiti bahagian akademik seperti Rajah 1.



Rajah 1: Hierarki Penilaian Pencapaian Kualiti Bahagian Akademik (Al-Turki & Duffuaa, 2003)


Walaupun sistem ini tidak menggunakan BSC seperti yang diutarakan oleh Kaplan dan Norton (1993), ianya masih dapat berfungsi dengan baik dan lebih penting lagi ia dapat diukur dengan mudah.

## Cadangan Model Pengukuran Prestasi Fakulti/Unit di UiTM Pahang

Sehingga kini tiada model khusus yang dapat mengukur prestasi Fakulti/Unit sebagaimana kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam. Sehubungan itu, kami ingin mencadangkan model pengukuran prestasi yang dapat mengukur mengikut konsep SMART dengan 4 perspektif sebagaimana Kaplan-Norton BSC mahupun *Hadhari Score Card* yang memasukkan konsep modal insan serta menerapkan 8 kriteria AKNC. Perspektif kewangan dalam BSC digantikan dengan perspektif kepimpinan yang turut mengukur kewangan Fakulti / Unit dan modal insan dalam *Hadhari Score Card*. Selain itu ia juga adalah sebahagian dari perspektif proses operasi dalam yang turut mengukur pengurusan sumber manusia.

Bagi membentuk pengukuran prestasi Fakulti / Unit di UiTM Pahang, kami mengambilkira Model Pengukuran Prestasi Kriteria Malcolm Baldrige (MBNQA) yang mementingkan pengukuran tujuh kriteria kualiti prestasi; Model Pengukuran Prestasi di Agensi Kerajaan sebagaimana disyorkan dalam Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 2005 yang menumpukan kepada aspek proses pengukuran digunakan; dan Kaplan-Norton *Balance Score Card* (BSC) yang melaksanakan sistem pengurusan prestasi yang konsisten dengan petunjuk prestasi utama yang "SMART" atau spesifik, boleh diukur, boleh dicapai, realistik dan mempunyai tempoh masa yang ditetapkan.

Pemantapan perlaksanaan pengukuran petunjuk prestasi utama Fakulti/Unit di UiTM Pahang perlu diikuti dengan senarai tindakan yang perlu diambil oleh Fakulti/Unit di setiap pengukuran yang dicatatkan bagi memastikan setiap objektif dapat dicapai dan pengukuran utama dapat dinilai. Model cadangan adalah seperti dalam Rajah 2 dan Jadual 1.



Rajah 2: Model Petunjuk Prestasi Utama Fakulti/Unit

Jadual 1 Petunjuk Prestasi Utama Fakulti Unit UiTM Pahang

| No. | Perspektif                     | Objektif  | Pengukuran (KPI)  | Target                               | Tahap Rintik                         |
|-----|--------------------------------|---|---|--------------------------------------|--------------------------------------|
| 1   | Kesimpianan                    | Virtus dan Misi<br>Perancangan Strategik<br>Kesimpianan<br>Kewangan | 90% penyayahan A.I.A. 5 jam<br>90% penyayahan 3 kod bahagian kod kewangan<br>1 sambutan berjaya teknologi industri setahun<br>80% alumnus fakulti menghadiri di e-alumni  | 90<br>90<br>1<br>60                  | 9<br>0<br>0<br>60                    |
|     |                                |   | 90% penyayahan teknologi A.I.K aktivis  | 90                                   | 9                                    |
|     |                                |   | 90% penyayahan teknologi maklumatik   | 90                                   | 9                                    |
|     |                                |   | 80% aktifiti wawasan sains  | 80                                   | 7                                    |
|     |                                |   | 2 aktiviti seniheti sains produk tidak memerlukan persetujuan   | 2                                    | 1                                    |
| 2   | Pelungganan                    | Pelajar   | 90% penyayahan e-Learn > 4<br>90% penyayahan pelajar rakan 3 kkm<br>70% pelajar tamat dengan CGPA > 3.00<br>Laksamana Kemarayakan dan kerama pelajar 1 semester<br>90% maklumat latihan praktik puanan puanan<br>2 kursus intelektiv e-alumni | 90<br>90<br>50<br>1<br>90<br>30<br>1 | 80<br>80<br>25<br>0<br>90<br>30<br>1 |
|     |                                |   | 70% pelajar matematik E1 mendapat nilai kurang  | 70                                   | 60                                   |
|     |                                |   | 90% pelajar tamat dalam tempoh  | 90                                   | 80                                   |
|     |                                |   | 1 program kemasyarakatan 1 atau kerjasama   | 1                                    | 0                                    |
|     |                                |   | 90% kakitangan fakulti dipenuhi maklumat tempoh   | 90                                   | 70                                   |
| 3   | Proses Operasi<br>Dalamans     | Proses pengurusan kredit  | 80% ketepuan baki setiap kurus  | 80                                   | 70                                   |
|     |                                |   | Ketepuan pembayaran segera adalahkan  | 0                                    | 1                                    |
|     |                                |   | 100% pembayaran mengikut stilibus   | 100                                  | 95                                   |
|     |                                |   | Ketepuan pengurusan administrasi baki   | 0                                    | 1                                    |
|     |                                |   | 100% kakitangan mendapat dilihat dalam web  | 100                                  | 80                                   |
|     |                                |   | 90% daripada laporan mesej kestabilan kredit dilakukan  | 80                                   | 70                                   |
|     |                                |   | 26 jam latihan ikti dalaman   | 56 jam                               | 40                                   |
|     |                                |   | 90% penyayahan menuntut perakitan bagi bank   | 90                                   | 70                                   |
|     |                                |   | 100% penyayahan teknologi 5 jam samangku  | 100                                  | 95                                   |
|     |                                |   | 100% penyayahan menghadiri seminar 1 semester   | 100                                  | 90                                   |
|     |                                |   | 90% penyayahan menghadiri seminar   | 90                                   | 80                                   |
|     |                                |   | 100% 250 syarat mencatat e-aktiviti   | 100                                  | 80                                   |
|     |                                |   | 90% penyayahan mencatatkan penilaian ulimah   | 90                                   | 70                                   |
|     |                                |   | 2 buangan penyekitan ban juga dalam dua tahun   | 2                                    | 0                                    |
|     |                                |   | 1 bilangan pertumbuhan jatahat  | 1                                    | 0                                    |
|     |                                |   | 1 bilangan inovasi didararkan iaitu   | 1                                    | 0                                    |
| 4   | Pembelaian dan<br>Pengembangan | Pembelaian  |   |                                      |                                      |
|     |                                |   |   |                                      |                                      |
|     |                                |   |   |                                      |                                      |

## Kesimpulan

Keutamaan kertas kerja ini adalah untuk meneroka potensi penggunaan BSC sebagai satu kaedah anjakan paradigma kepada Fakulti/Unit dari kaedah pemantauan prestasi kepada pengurusan kualiti di Fakulti/Unit dengan menekankan aspek pengukuran, analisa dan pengurusan ilmu yang dapat meningkatkan hasil prestasi Fakulti/Unit sebagaimana kehendak dalam AKNC serta Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam.

Adalah amat penting bagi Ketua Program/Koordinator untuk memainkan peranan dalam menggalak dan menyokong pembudayaan kerjasama antara dan dalaman fakulti/unit serta komited dengan pengurusan berkualiti. Implementasi BSC kepada fakulti/unit akan menyebabkan semua staf akademik memainkan peranan utama di dalam proses dalaman organisasi bagi meningkatkan prestasi dan pengukuran serta membudayakan penambahbaikan berterusan.

Penggunaan kaedah BSC yang dicadangkan akan membantu pengurusan untuk mendapatkan gambaran seragam bagi beberapa dimensi kritikal ke arah mencapai misi dan visi UiTM. Pembentukan BSC juga akan memudahkan penetapan sasaran kerja tahunan staf akademik.

Sudah sampai masanya Fakulti/Unit di UiTM Pahang mengambil langkah proaktif untuk memastikan langkah pengurusan berkualiti di UiTM Pahang ke arah memartabatkan ISO 9001:2008 dapat dilaksanakan.

## Rujukan

- Al-Turki, M., & Duffuaa, S. (2003). Performance measures for academic departments. *International Journal of Education Management*, 17(7), 330-338.
- Chow-Chua, C., & Goh, M. (2002). Framework for evaluating performance and quality improvement in hospitals. *Managing Service Quality*, 12(1), 54-66.
- De Waal, A.A. (2004). Stimulating performance-driven behavior to obtain better results. *International Journal of Productivity and Performance Management*, 53(4), 301-316.
- Flapper, S.D.P., Fortuin, L. & Stoop, Paul P.M. (1996). Towards consistent performance management system. *International Journal of Operations and Production Management*, 16(7), 27-37.
- Cullen, J., Joyce, J., Hassall, T., & Broadbent, M. (2003). Quality in higher education: from monitoring to management. *Quality Assurance in Education*, 11(1), 5-14.
- Kaplan, R. S. & Norton, D.P. (1993). Putting the balanced scorecard to work. *Harvard Business Review*, 71 (5), 134-42.
- PKPA (Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam). (2005). Bil. 2. Garis Panduan Bagi Mewujudkan Petunjuk-petunjuk Prestasi Utama Atau Key Performance Indicators (KPI).